

Sikap PM perlu diteladani

KEPUTUSAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memilih untuk menjalani pembedahan piltasan koronari di Hospital Besar Kuala Lumpur baru-baru ini adalah suatu ransangan hebat kepada bidang perubatan tempatan.

Keayakan beliau terhadap kebolehan pakar bedah tempatan setanding dengan negara luar seharusnya memberi kesedaran kepada mereka yang selama ini suka mengangguk kepakaran asing.

Keinginan Perdana Menteri menjalani pembedahan di luar negara, walaupun dinasihatkan oleh pakar tempatan supaya berbuat demikian, adalah keputusan yang unik kepada perkembangan perubatan di negara ini.

Selama ini kita seringkali membaca laporan mengenai pelbagai penyakit yang dihadapi penduduk negara ini. Kebanyakannya memohon simpati pembaca supaya mender-

ma kerana pesakit perlu dirawat di luar negara.

Ini tidak bermakna mereka ini sengaja memilih untuk mendapat rawatan di luar negara, kerana bagi orang miskin dan kurang pengetahuan, keputusan itu tentulah dibuat oleh doktor, mungkin kelengkapan di negara ini kurang.

Apa yang dimusykilkan ialah sikap golongan berada yang lebih gemar mendapatkan rawatan di luar negara sedangkan kepakaran serupa boleh didapati dengan meluas di negara ini.

Alasan utama diberikan ialah kerana teknologi perubatan di luar negara lebih maju, layanan diterima lebih memuaskan dan suasana perawatannya menyenangkan.

Hakikat ini memang tidak boleh dinafikan. Sudah pastilah negara seperti Amerika Syarikat, Britain dan Australia mempunyai kepakaran dan teknologi yang tinggi. Tetapi dunia perubatan sentiasa berkembang dan kerajaan sendiri menyedari hal ini. Kerana itulah peruntukan berjuta-juta ringgit disediakan setiap tahun untuk menyediakan kelengkapan perubatan yang serupa.

Hasil usaha ini, negara pada masa ini mampu mengendalikannya dengan menggunakan teknologi moden dan ia sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

Kini rawatan pakar boleh didapati daripada beberapa pusat perubatan di negara ini, termasuk:

PUSAT PERUBATAN KERAJAAN:

1. Semua hospital besar di seluruh negara; dan
2. Hospital Universiti - Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Hospital Universiti Kubang Krian, Kelantan.

PUSAT PERUBATAN SWASTA:

1. Pusat Pakar Tawakal;
2. Pusat Perubatan Pantai;
3. Pusat Perubatan Penawar;
4. Hospital Tung Shin; dan
5. Pusat Perubatan Sentosa.

Seorang pembaca mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi keadaan ini, termasuk memberikan pendedahan meluas kepada bidang perubatan dan kejayaan pakar perubatan tempatan mengubat sesuatu penyakit.



DATUK Seri Dr Mahathir berbual mesra dengan pakar perubatan tempatan selepas selamat menjalani pembedahan - Gamber Hiasan

yang boleh diterima oleh masyarakat.

Seorang pembaca lain mengemukakan sebab orang ramai mengangguk kepakaran perubatan asing.

Beliau berkata kepakaran yang boleh didapati di negara ini kurang dikedahkan menyebabkan orang ramai tidak tahu bahawa rawatan penyakit mereka boleh didapati dengan mudah dan murah.

Selain itu, katanya peruntukan undang-undang melarang pengamal perubatan mengiklankan kepakaran mereka. Oleh itu, walaupun doktor kita mempunyai kepakaran.

Menurutnya media massa juga patut memberikan pendedahan susulan iaitu dengan menyiarkan pendapat pakar yang berjaya diubati.

Pembaca lain pula berpendapat sebuah pusat perubatan yang dikendalikan oleh doktor pakar daripada semua bidang, khusus untuk mengesan dan mengubati penyakit berbahaya, ditubuhkan.

Menurutnya kajian mendalam mengenai penggunaan ubat-ubatan tradisional dalam perubatan moden perlu diadakan kerana ini akan memberikan keunikan kepada caedah rawatan di negara ini.

Katanya ubat-ubatan ini patut disediakan dalam bentuk